

BENGKEL

PENINGKATAN KATALOGAN:

Teknik Perekodan Bahan Menggunakan Sistem WILS



Encik Mohamad Ismail Bolia memberikan taklimat berkenaan pengkatalogan.

Penulis: Nurfaizah Kamarudin dan Norlida Ismailly

Secara teorinya para pelajar akan mempelajari subjek IMD223: Introduction to Cataloging semasa mereka di semester 4. Subjek ini boleh dikatakan sebagai 'killer subject' bagi sesetengah pelajar. Mungkin mereka merasakan sukar dalam memahami dan mempelajari kemahiran menggunakan standard yang dikhususkan untuk membuat pengkatalogan deskriptif. Maka, pada 5 Januari 2024, hari Jumaat yang barakah, telah diadakan satu Bengkel Pengkatalogan bertempat di Bilik IT, PTAR Kampus Samarahan 2, khususnya untuk merekod bahan perpustakaan dengan menggunakan sistem WILS. Bengkel ini telah dihadiri oleh 17 pelajar, 6 orang pensyarah dari Pengajian Sains Maklumat, dan beberapa staf perpustakaan sebagai penceramah dan fasilitator.

Jam 1.30 petang, pelajar dan pensyarah pengiring, Puan Nurfaizah Kamarudin dan Cik Nor Hayati Kassim bergerak ke PTAR KS2 dengan

menaiki bas UiTM. Perjalanan yang tidak mengambil masa yang lama, memudahkan pergerakan kami dari KS ke KS2. Setibanya di PTAR KS2, kami diarahkan untuk pergi ke Bilik IT. Bengkel dimulakan pada jam 2.30 petang dengan taklimat yang disampaikan oleh Encik Mohamad Ismail Bolia, Pembantu Pustakawan Kanan Tertinggi, dan Cik Commelie Elmlie Risip, Pembantu Pustakawan. Seusai taklimat, Cik Commelie Elmlie meminta sebaris pelajar untuk ke hadapan bagi 'hands-on' penggunaan sistem WILS (Web-based Integrated Library System) dari LIBSYS. Sedikit sejarah sistem yang digunapakai oleh PTAR, SISPUKOM dimulakan pada 1993, manakala ILMU pada tahun 1997, dan kini WILS menggantikan ILMU pada tahun 2017.

Aktiviti 'hands-on' ini diadakan secara berkumpulan bagi mendedahkan para pelajar dan pensyarah bagaimana untuk merekod bahan dengan menggunakan sistem yang digunapakai oleh PTAR keseluruhannya. Cik Commelie Elmlie membawa buku-buku, antaranya buku yang


Puan Nurfaizah mempelajari cara menggunakan sistem WILS dengan tunjuk ajar daripada Encik Mohammad Ismail Bolia



mempunyai CIP (Cataloging in Publication), yang mana setiap buku harus mempunyai CIP ini, dan buku yang tidak mempunyai CIP bagi proses pembelajaran. Aktiviti ini sangat menarik kerana para pelajar dapat mengakses sistem (login dan password hanya dibenarkan oleh pegawai dan staf yang bertanggungjawab) dan mencuba untuk merekod data dari buku ke dalam sistem.

Justeru, para pelajar dapat merasai sendiri bagaimana staf melakukan pekerjaan mereka, di samping dapat mengaplikasikan teori yang mereka pelajari di dalam kelas. Perkongsian ini sangatlah berharga, bukan sahaja kepada para pelajar, malah kepada para pensyarah juga. Kelihatan para pelajar sangat gembira sepanjang bengkel ini diadakan. Bengkel ini tamat dalam anggaran jam 4 petang, dengan diakhiri dengan sesi fotografi. Para pelajar mengambil makanan dan minuman petang mereka sambil menunggu bas yang bakal tiba pada jam 5 petang. Bas tiba seperti yang dijanjikan, dan kami selamat tiba di UiTM KS.

Bengkel ini mendapat kerjasama yang jitu dari semua pihak, terutama dari pihak HEA, Perpustakaan, para pensyarah dan para pelajar. Terima kasih diucapkan. Diharapkan ilmu yang disampaikan dapat sedikit sebanyak mendorong para pelajar khususnya dalam meminati dan mempelajari subjek pengkatalogan ini dengan lebih mendalam. Di samping, mengetahui betapa ilmu pengkatalogan ini sangatlah penting bagi setiap perpustakaan.



Para pelajar dibahagikan dalam berkumpulan untuk memudahkan aktiviti 'hands-on'